



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Email* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

15 November 2016

Selasa

**KENYATAAN MEDIA YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN, PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MENGENAI LAPORAN PAC PEMBINAAN  
DAN PENGURUSAN WISMA PERWIRA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA, JALAN  
PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR DI BAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan yang dibangkitkan dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 1 di Dewan Rakyat pada 6 April 2015.
- 2) PAC Parlimen memulakan prosiding Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan pada 28 Mei 2015 dengan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Abdul Rahim Muhamad Radzi memberikan penjelasan berhubung isu-isu dalam projek berkenaan di hadapan Jawatankuasa ini.
- 3) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen meneliti isu-isu berikut:
  - a) Projek lewat siap selama 389 hari;
  - b) Kelemahan dari segi perancangan reka bentuk dan skop kerja;
  - c) Kos projek meningkat lebih RM300,000;
  - d) Kelewatan menduduki bangunan selama 25 bulan;

- e) Perabot dan hiasan dalaman lewat siap;
  - f) Kualiti kerja pembinaan kurang berkualiti walaupun bagaimanapun telah dibaiki selepas teguran Jabatan Audit;
  - g) Kerja *mechanical dan electrical* tidak sempurna; dan
  - h) Rundingan harga dengan perunding kerja-kerja hiasan dalaman lewat dimuktamadkan.
- 4) Hasil daripada prosiding berkenaan, PAC Parlimen membuat **RUMUSAN** terhadap Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan seperti berikut:
- a) Dalam projek *design and build*, segala keputusan perlu dimuktamadkan pada peringkat awal.
  - b) Kelemahan di pihak Kementerian Pertahanan iaitu dari segi kawal selia kontrak menyebabkan timbul permasalahan dalam projek ini.
  - c) Kementerian Pertahanan tidak mempunyai kekuatan anggota yang cukup dan kekurangan kepakaran dalam pembinaan *multiple storey buildings*.
  - d) Kelemahan Kementerian Pertahanan daripada segi koordinasi dan prosedur operasi standard (SOP) telah menyebabkan banyak kelemahan (*loopholes*) yang boleh dieksploitasikan.

- 5) Berikutan itu, PAC Parlimen memberikan **SYOR** kepada Kerajaan seperti berikut:
- a) Penambahbaikan boleh dibuat dengan mewujudkan pemantauan terhadap kualiti kerja Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) Kementerian Pertahanan.
  - b) Kementerian Pertahanan perlu memastikan peruntukan kewangan cukup sebelum memulakan sesuatu projek supaya tidak berlaku masalah pada projek tersebut di masa akan datang.
  - c) Kawalan keselamatan bangunan perlu diuruskan sendiri oleh Kementerian Pertahanan berbanding memberi pengendalian kontrak ini kepada pihak lain supaya dapat mengelakkan kos tambahan.
  - d) BPKP perlu meningkatkan kepakaran dan kemampuannya kepada standard JKR di masa hadapan.
  - e) Unit Integriti SPRM perlu aktif dalam hal ini dengan tujuan untuk memastikan ketelusan proses projek berkenaan.
  - f) Audit Dalam Kementerian Pertahanan perlu memastikan kawalan dalaman (*internal controls*) dan prosedur operasi standard (*SOP*) kementerian diperbaiki dan diperketat supaya kelemahan (*loopholes*) dapat dikurangkan seterusnya mengelakkan kesalahan yang sama berulang.
  - g) Koordinasi antara ATM dan Perkhidmatan Awam perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan masalah sama berulang.
  - h) Walaupun WP telah siap Kementerian Pertahanan perlu menjalankan penyiasatan tanah (Soil Inspection) sebagai tindakan bagi memastikan keperluan teknikal dipatuhi dan struktur bangunan selamat.

Tindakan tidak membuat pemeriksaan tanah adalah sangat serius dan menyalahi keperluan asas pembinaan bangunan tinggi.

- 6) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di bawah Kementerian Pertahanan boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat [www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac).

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara  
Parlimen Malaysia